

# Wadah sokong inovasi bagi industri kelautan dilancar

WADAH untuk menyokong inovasi dan menggalak industri kelautan menembusi bidang pertumbuhan baru hasil kerja sama dengan firma teknologi baru telah dilancarkan semalam.

Dibentuk oleh Penguasa Kelautan dan Pelabuhan Singapura (MPA) dan NUS Enterprise, Sistem Eko Inovasi Pelabuhan@Block71 (PIER71) di Ayer Rajah itu, menyediakan wadah bagi syarikat setempat, asing, firma teknologi baru dan penyedia modal bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman.

Demikian menurut kenyataan bersama MPA dan NUS Enterprise, sebuah cabang keusahawanan Universiti Nasional Singapura (NUH).

Sistem itu dilancarkan oleh Menteri Negara Kanan (Pengangkutan dan Kesihatan), Dr Lam Pin Min.

Bengkel inovasi pertama PIER71 yang tamat pada 15 Mei lalu, dikendalikan oleh MPA dan disertai pegawai digital dari 23 syarikat kelautan.

Matlamatnya ialah meningkat-

kan pengetahuan pegawai mengenai proses sistematik bagi mengenal pasti peluang inovasi serta melengkapi mereka dengan kemahiran bagi menjadikan idea inovatif itu satu hasil yang nyata.

“Ia akan menyumbang ke arah membangunkan sistem eko inovasi dan keusahawanan seperti tercatat dalam Perancangan Perubahan Industri (ITM) Pengangkutan Laut dan menajamkan daya saing Singapura,” ujar kenyataan itu.

Dalam acara itu, empat memorandum persefahaman (MOU) juga ditandatangani bagi menyediakan firma teknologi baru dengan lebih banyak sokongan bagi acara inovasi itu.

NUS Enterprise melanjutkan sokongannya kepada firma teknologi PIER71 melalui MOU yang ditandatangani dengan pusat firma baru, INNOSPACE dan Rainmaking Innovation, serta syarikat kelautan, Wärtsilä and Wilhelmsen.

“Pelancaran PIER71, hasil kerjasama dengan NUS Enterprise, ialah

sebahagian daripada strategi inovasi lebih luas MPA di bawah ITM Pengangkutan Laut. PEIR71 akan menjadi pemangkin kerjasama antara syarikat kelautan, firma teknologi baru dan sektor sampingan bagi meletakkan industri kelautan Singapura bagi gelombang pertumbuhan yang akan datang yang akan dirangsang dengan teknologi digital,” kata ketua eksekutif MPA, Encik Andrew Tan.

Dengan makmal di Pelabuhan Jurong, PSA dan MPA bagi menguji teknologi dan konsep baru, beliau berharap usaha itu akan meletakkan Singapura sebagai sebuah hab kelautan inovasi dan rancak.

Ketua pegawai eksekutif (CEO) NUS Enterprise, Dr Lily Chan berkata pihaknya ingin memupuk kerjasama strategik bagi menjadi jambatan dan wadah bagi firma teknologi baru bekerjasama dengan industri kelautan demi mewujudkan peluang inovasi baru.

Pelancaran PIER71, hasil kerjasama dengan NUS Enterprise, ialah sebahagian daripada strategi inovasi lebih luas MPA di bawah ITM Pengangkutan Laut. PEIR71 akan menjadi pemangkin kerjasama antara syarikat kelautan, firma teknologi baru dan sektor sampingan bagi meletakkan industri kelautan Singapura bagi gelombang pertumbuhan yang akan datang yang akan dirangsang dengan teknologi digital.”

– **Encik Andrew Tan, ketua eksekutif MPA.**

